



## Diskaun khas penerima pembiayaan Dana Kandungan Digital - Fahmi

Oleh Mohd Roji Kawi - September 15, 2023 @ 2:13pm  
mdroji@bh.com.my

KUCHING: Penerima Dana Kandungan Digital (DKD) akan menerima diskaun 20 peratus jika karya mereka berjaya meraih anugerah khususnya di peringkat antarabangsa.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, berkata tawaran istimewa itu adalah tambahan diskaun 20 peratus bagi sewaan peralatan di Studio Sound Stage milik Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) di sini.

Menurutnya, ia adalah tawaran istimewa pihaknya kepada pengkarya filem di Sarawak dan Sabah yang membuat permohonan untuk mendapatkan pembiayaan DKD yang bermula 11 September lalu hingga 12 Oktober depan.

"Kerajaan menyediakan DKD sebanyak RM3 juta untuk pengkarya di Sarawak dan Sabah bagi menyuntik semangat mereka untuk menghasilkan karya khususnya kandungan yang memaparkan kisah rakyat Sarawak dan Sabah serta impian masa depan mereka.

"Sebagai tambahan untuk menggalakkan mereka menghasilkan karya berkualiti dan diakui di peringkat antarabangsa, kita menawar diskaun untuk sewaan peralatan di studio FINAS," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Program Fast Track: How To Be A Content Creator dan Perasmian StudioSound Stage di Pejabat FINAS Cawangan Sarawak, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), Datuk Mohamad Fauzi Md Isa dan Pengurus FINAS, Datuk Kamil Othman.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, setiap pengkarya di Sarawak dan Sabah layak menerima DKD sehingga RM100,000 dan bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung kemudahan itu, pengkarya boleh melayari laman web FINAS di <http://sppik.finás.com>.

Sementara itu, mengenai saranan Setiausaha Agung Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN), Hafiz Nafiah, supaya FINAS mengambil tindakan susulan terhadap dalang di sebalik pembikinan filem kontroversi Mentega Terbang yang melanggar batas penerbitan filem di Malaysia, Fahmi berkata, pihaknya akan meneliti saranan itu.

"Kami belum menerima hitam putih berhubung perkara itu, cuma mengetahuinya menerusi laporan akhbar hari ini.

"Kami akan memperincikan isu berbangkit dan sebelum ini pun FINAS sudah membuat siasatan dan mungkin akan membuat keputusan selepas sambutan Hari Malaysia," katanya.

Hafiz dalam laporan BH Online hari ini berkata, beliau bersetuju dengan tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengharamkan filem itu, namun mempersoalkan tindakan terhadap syarikat dan individu yang terbabit dalam pembikinan filem itu.

Justeru beliau menggesa agar FINAS mengambil langkah seterusnya dengan menggantung syarikat penerbitan filem Mentega Terbang mengikut undang-undang.